

# Buletin Fakta

Buletin tahunan terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang memaparkan isu-isu berkaitan belia di Malaysia dan berkongsi tentang aktiviti - aktiviti kajian dan program yang dianjurkan

## Menarik Edisi Ini

**Perasmian Majlis Pelancaran Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23)**

**Anak Muda, Harapan Negara:  
RTD oleh IYRES dan IKIM**

**Town Hall IYRES 2024 :  
Penyebarluasan Hub Data  
dan Hasil Kajian IYRES**

**Institut Penyelidikan  
Pembangunan Belia Malaysia  
(IYRES)**

Tel : 03-8871 3417

Faks: 03-8871 3342

E-mel : [info@iyres.gov.my](mailto:info@iyres.gov.my)

Laman sesawang : [www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my)

## Pelancaran Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23)


**Oleh : Dr. Nur Hidayah Zaidun, Nur Syuhada Mokhzan & Dr. Faridzah Jamaluddin**

Yang Berhormat Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan telah merasmikan Majlis Pelancaran Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23) di Putrajaya pada 22 April 2024. Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Adam Adli, turut hadir ke majlis tersebut.

Inisiatif MyMHI'23 adalah hasil kerjasama antara Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan dan *United Nations Children's Fund (UNICEF)* dengan sokongan daripada pelbagai pemegang taruh seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan lain-lain.



MyMHI'23 merupakan Indeks Kesihatan Mental pertama di Malaysia yang bertujuan untuk mengukur tahap kesihatan mental belia khususnya berumur antara 15 hingga 30 tahun. MyMHI'23 menjadi instrumen pengukuran penting serta penanda aras bagi menilai tahap kesihatan mental belia. MyMHI'23 merangkumi tujuh domain iaitu gaya hidup, persekitaran, keperibadian individu, pengalaman hidup, sokongan sosial, pengendalian tekanan dan minda sihat yang disokong oleh 28 indikator pengukuran kesihatan mental.



Ketua Pegawai Eksekutif IYRES, Dr. Vellapandian Ponnusamy dalam pembentangannya di majlis tersebut menerangkan kajian secara khususnya menyediakan data dan fakta terkini berkaitan dengan status kesihatan mental belia Malaysia. Menurut beliau, pembangunan MyMHI'23 merupakan kejayaan besar dalam bidang kesejahteraan belia.

Kajian MyMHI'23 yang dijalankan di seluruh Malaysia melibatkan 13 buah negeri dan 3 wilayah persekutuan dengan jumlah responden seramai 5,867 orang. Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian MyMHI'23 mendapat kesihatan mental belia berada pada tahap **Sederhana Memuaskan** dengan **skor 71.91**. Dapatan semasa ini menunjukkan bahawa belia Malaysia berisiko Sederhana menghadapi masalah kesihatan mental. Walaupun skor ini memberi gambaran bahawa belia Malaysia tidak mengalami masalah kesihatan mental yang teruk, namun intervensi awal dan sistem sokongan adalah penting dalam menangani isu kesihatan mental.




Menurut ucapan Yang Berhormat Hannah Yeoh, beliau berpuas hati dengan hasil dapatan tersebut, yang memberi gambaran secara menyeluruh berhubung landskap kesihatan mental belia Malaysia. MyMHI'23 bukan sekadar melaporkan angka, malah berfungsi sebagai pemangkin untuk merencanakan tindakan, dasar dan intervensi yang boleh memberi kesan signifikan dalam kehidupan belia.



Dalam majlis pelancaran itu juga, Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad dalam ucapannya memberi penekanan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bukan satu-satunya agensi yang bertanggungjawab terhadap aspek kesihatan mental, malah pelbagai pihak perlu memainkan peranan. Dalam aspek kesihatan mental, pendekatan keseluruhan negara atau “whole of nation approach” sangat diperlukan.

### SKOR INDEKS KESIHATAN MENTAL BELIA MALAYSIA 2023



Sumber : Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23)



**CADANGAN MyMHI'23:****Intervensi Peringkat Tadbir Urus dan Dasar**

- Mewujuk ruang kediaman yang tidak erlalusesak dan dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi, sekali gus memupuk sistem persekitaran selari serta bebas daripada tekanan.
- Meningkatkan kebolehcapaian belia kepada perkhidmatan kesihatan mental.
- Mempromosikan gaya hidup sihat

**Intervensi Peringkat Komuniti**

- Memperkuuh sokongan komuniti dan keluarga
- Meningkatkan daya tahan kesihatan mental

**Intervensi Peringkat Komuniti**

- Memperkasa penglibatan belia
- Memperkasa peranan ibu bapa dan penjaga



“UNICEF mencatatkan 12.3% remaja berumur 10-17 tahun di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Klang mengalami masalah kesihatan mental dan cenderung untuk membunuh diri”

(Sumber: Harian Metro, Mac 18, 2023).

“Memandangkan pelbagai isu kesihatan mental merentasi pelbagai kumpulan umur, kita memerlukan kerjasama dan keselarasan dari pelbagai pihak berkepentingan, menggarap setiap sumber serta kemahiran dengan pendekatan ‘whole-of-nation’.”

**Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad  
Menteri Kesihatan**

“KBS memaklumkan antara intervensi yang telah dikenal pasti untuk meningkatkan kesihatan mental belia adalah dengan mewujudkan ruang kediaman yang tidak terlalu sesak dan dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi, sekali gus memupuk persekitaran yang bebas daripada tekanan”

(Sumber: Astro Awani, April 22, 2024)

“KBS memaklumkan usaha bagi mengkaji dan meningkatkan kesihatan mental belia Malaysia, selari dengan Strategi 1, Teras 3 Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030), iaitu Meningkatkan Kesihatan Mental, Kecergasan Fizikal dan Kecerdasan Spiritual belia.”

(Sumber: Astro Awani, April 22, 2024)

## MENCORAK MASA DEPAN ANAK MUDA DEMI MASA DEPAN MALAYSIA YANG GEMILANG

**Oleh : Shah Romnizam Ramli & Nur Syuhada Mokhzan**

Persidangan Meja Bulat (RTD) dengan tajuk Masa Depan Anak Muda, Masa Depan Malaysia telah dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 21 Mei 2024 (Selasa) bertempat di Dewan Serbaguna Podium B, Menara KBS, Putrajaya. Seramai 91 orang peserta telah menyertai program tersebut secara fizikal yang terdiri daripada jabatan dan agensi, badan bukan kerajaan, syarikat korporat, institusi pendidikan, persatuan dan aktivis belia. Program tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty (Pengerusi IKIM), YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy (Ketua Pegawai Eksekutif IYRES) dan YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil (Ketua Pengarah IKIM).

Tujuan RTD pada kali ini adalah merupakan satu inisiatif penting bagi memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh golongan anak muda masa kini. Program tersebut juga menyediakan kupasan lebih kritis terhadap keperluan ekosistem belia mencakupi aspek pendidikan, pekerjaan, kepimpinan, sosial dan spiritual. Sejumlah 6 kertas pembentangan disediakan oleh panel jemputan terdiri daripada wakil IYRES, UCSI University Kuala Lumpur, IKIM, Universiti Putra Malaysia (UPM), Majlis Belia Malaysia (MBM), dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Manakala Moderator yang mengendalikan sesi pembentangan adalah YBrs. Dr. Muhammad Hisyam Mohamad, Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM.

Objektif utama program tersebut adalah untuk mengupas dan membincangkan isu-isu yang relevan serta membina rangkaian kerjasama antara pelbagai pihak terutamnya pemegang taruh pembangunan belia. Faedah yang diperoleh oleh peserta adalah termasuk peningkatan pengetahuan dan kesedaran tentang isu-isu belia, pembangunan kapasiti dan kepimpinan belia, serta pemupukan kerjasama antara pelbagai pihak yang terlibat dalam pembangunan belia. Selain itu, program tersebut menghasilkan cadangan dan penyelesaian strategik untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh belia, di samping membuka peluang untuk pengembangan jaringan profesional dan kerjasama antara peserta dari pelbagai latar belakang dan bidang.



RTD tersebut telah berjaya mencapai matlamatnya dalam memberikan platform untuk diskusi mendalam dan bertukar pendapat bagi pembangunan belia yang lebih holistik serta inklusif. Diharapkan inisiatif seperti ini akan terus dilaksanakan dan diperluaskan pada masa hadapan bagi memastikan suara serta keperluan belia terus diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Kesimpulannya, Program RTD tersebut membawa pelbagai kebaikan yang bermanfaat kepada peserta, termasuk peningkatan pengetahuan dan kesedaran tentang isu-isu kritikal yang dihadapi oleh belia masa kini, serta pengembangan kapasiti dan kepimpinan mereka. Selain itu, program tersebut berjaya mewujudkan kerjasama strategik antara pelbagai pihak, menghasilkan cadangan dan penyelesaian yang optimum, serta membuka peluang untuk pengembangan jaringan profesional. Platform tersebut juga membuka peluang kepada peserta untuk bertukar idea, pandangan dan pendapat dalam memperkasakan pembangunan belia serta mendorong kepada keberhasilan yang positif. Secara keseluruhan, program ini menyumbang kepada pembinaan identiti dan jati diri belia, sekaligus meningkatkan kualiti kehidupan mereka melalui bidang pendidikan, pekerjaan, serta pembangunan kepimpinan.



**“Generasi muda perlu diberi ruang menjadi penggerak penting dalam pembangunan, politik dan ekonomi”**

**Dr. Vellapandian Ponnusamy  
Ketua Pegawai Eksekutif, IYRES**

# Town Hall IYRES 2024 Menyumbang Kepada Akses Rujukan Hasil Penyelidikan Belia

**Oleh : Shah Romnizam Ramli & Nur Syuhada Mokhzan**

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan Program Town Hall IYRES 2024 pada 24 Jun 2024 ( Isnin ) bertempat di Dewan Podium B, Menara KBS. Town Hall IYRES merupakan program berkala yang dilaksanakan secara tahunan oleh IYRES bermula dari tahun 2020. Program yang memasuki tahun kelima penganjurannya merupakan satu platform penyebarluasan dapatan kajian IYRES dan hub data belia kepada peserta dalam kalangan pemegang taruh pembangunan belia untuk dijadikan input dalam merangka program atau aktiviti bagi memenuhi keperluan serta kehendak semasa generasi belia Malaysia.

Objektif utama pelaksanaan Town Hall adalah untuk meningkatkan pengetahuan peserta melalui penyampaian maklumat yang lebih jelas berkaitan penyelidikan belia dan sukan. Seterusnya, menerangkan penggunaan sistem-sistem dalam Hub Data Belia untuk dijadikan *tools* bagi perancangan program dan aktiviti pemerkasaan belia Malaysia. Selain itu, platform/ wawancara memberi peluang kepada peserta untuk menyuarakan persoalan, idea dan cadangan berkaitan penyelidikan yang dilaksanakan oleh IYRES.

YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS telah hadir merasmikan program Town Hall IYRES 2024. Program Town Hall IYRES tersebut merupakan salah satu program bagi memastikan hasil dapatan kajian IYRES dapat disampaikan kepada pembuat keputusan untuk dijadikan rujukan utama dalam merancang program dan strategi yang bermanfaat kepada kumpulan sasaran belia. Program tersebut juga telah mengupas dan merungkai berkaitan kualiti dan kesejahteraan hidup, kesukanan, kesihatan, eSports dan data-data yang menjadi rujukan kepada agenda pembangunan belia.

“Program Town Hall ini merupakan inisiatif IYRES secara tahunan dalam usaha menyebarluaskan hasil kajian dan data pembangunan belia dan sukan kepada pembuat keputusan untuk merancang program serta strategi yang bermanfaat kepada kumpulan sasaran belia bertepatan”

**Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu,  
Ketua Setiausaha KBS**



Town Hall IYRES 2024 telah membentangkan empat (4) dapatan kajian IYRES tahun 2023 iaitu Kajian Indeks Belia Malaysia 2023 (IBM'23), Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM'23), Kajian Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23) dan Kajian E-Sports Dalam Kalangan Belia serta satu pembentangan mengenai Hub Data Belia. Hasil dapatan penyelidikan IYRES boleh didapati melalui portal rasmi IYRES : [www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my). Sesi pembentangan dapatan kajian telah dibentangkan oleh YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES. Program tersebut telah dihadiri dan diikuti oleh 425 orang peserta secara fizikal dan dalam talian yang melibatkan sepuluh (10) kumpulan pelaksana seperti yang terkandung dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 termasuk kumpulan pengurusan tertinggi di peringkat persatuan / badan bukan kerajaan (NGO) / Kerajaan Negeri yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Gred 48 dan ke atas.

Melalui input yang dikongsikan daripada pembentangan Town Hall IYRES tersebut, pemegang taruh pembangunan belia diharapkan dapat merancang pelbagai program dan aktiviti kepada generasi belia bagi membantu Kementerian Belia dan Sukan dalam memperkasakan agenda pembangunan belia Malaysia. Program Town Hall IYRES 2024 menawarkan pelbagai faedah yang signifikan kepada peserta dan pemegang taruh dalam bidang pembangunan belia di Malaysia. Selain itu, mereka dapat mengakses data yang relevan dan terkini, membolehkan mereka membuat keputusan yang lebih berinformasi serta berkesan dalam merangka program dan strategi pembangunan belia. Ini secara langsung membantu dalam meningkatkan kualiti hidup belia dan memastikan program yang dirancang benar-benar memenuhi keperluan dan kehendak mereka.

Tambahan pula, Town Hall IYRES juga memainkan peranan penting dalam memperkuuh jaringan antara pemegang taruh dalam pembangunan belia. Dengan kehadiran peserta dari pelbagai latar belakang, termasuk pegawai kerajaan, wakil NGO, dan pemimpin komuniti, program ini menyediakan platform untuk berkongsi pandangan, idea, dan cadangan bagi memperkasakan generasi belia. Sesi interaktif ini tidak hanya meningkatkan kolaborasi tetapi juga memastikan pelbagai perspektif diambil kira dalam proses perancangan dan pelaksanaan program. Tambahan pula, dengan memperkenalkan penggunaan sistem-sistem dalam Hub Data Belia, program ini membantu pemegang taruh untuk lebih efektif dalam merancang dan melaksanakan aktiviti yang berfokus kepada pemerkasaan belia, sekaligus menyokong usaha Kementerian Belia dan Sukan dalam mencapai matlamat pembangunan belia yang holistik dan berkesan.



## Senarai Hasil Kajian IYRES bagi tahun 2023 & 2024

**1.**Laporan Kajian Kebolehlaksanaan Cadangan Penubuhan Institusi Kewangan Khusus Untuk Golongan Belia : Bank Belia

**2.**Garis Panduan Menangani Isu Kesihatan Mental Dalam Kalangan Belia. You Are Not Alone. Get Help

**3.**Kajian Profil Kesihatan Mental Belia Malaysia : Facts & Figures

**4.**Facts & Figures Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2022 (IBSM'22)

**5.**Facts & Figures Kajian Indeks Belia Malaysia (IBM'22)

**6.**Laporan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program Impak ILKBS@Komuniti

**7.**Facts & Figures Penilaian Pembangunan Belia Positif 8C : Program Malaysia Futures Leaders School (MFLS) Tier 3 Tahun 2022

**8.**Kajian Keberkesanan Malaysia Sport League (MSL) 2022

**9.**Sosialisasi Politik Aspirasi & Kenegaraan Dalam Kalangan Belia Malaysia

**10.**Laporan Infografik Kajian Keberkesanan Program Malaysia Little League (MILL)

**11.**Asia Pacific Journal of Youth Studies (APJYS)

**12.**Malaysian Youth Mental Health Index 2023 (MyMHI'23) Facts & Figures

**13.**Malaysian Youth Mental Health Index 2023 (MyMHI'23)

**14.**Penilaian Outcome Pelaksanaan Program Skrin Besar Terhadap Pembangunan Sukan, Indeks Budaya Sukan Dan Industri Sukan Negara

**15.**Laporan Infografik Hari Sukan Negara 2023

**16.**Facts & Figures Indeks Belia Malaysia 2023

### Untuk permohonan, pertanyaan & rujukan



penerbitan@iyres.gov.my



03-088713417 / 3305



[www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my)

# Profil IYRES

“

Institut Penyelidikan

Pembangunan Belia

Malaysia (IYRES)

merupakan agensi di bawah kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan merupakan pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa

(Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2001 (Akta 668) )

”

## Sidang Redaksi

### Ketua Pengarang

Dr.Vellapandian Ponnusamy

### Penolong Ketua Pengarang

Puan Shahhanim Yahya

### Editor / Pereka Grafik

1.Puan Nur Syuhada Mokhzan

2.Puan Asnida Abd Hamid

3.Encik Mohd Nor Azam Kamaruddin

### Penulis

1. Puan Nur Syuhada Mokhzan

2. Dr. Nur Hidayah Zaidun

3. Dr. Faridzah Jamaluddin

4. Encik Shah Romnizam Ramli

